

30/04/1999

Annuar buka Galeri Seni Fasya

Johary Indan

SESUDAH hampir 20 tahun terbabit dengan dunia seni catan, akhirnya seorang pelukis tempatan Sabah, Annuar Mahmud, mencapai kemuncak kerjaya seninya dengan menceburi perniagaan berasaskan lukisan.

Menerusi Galeri Seni Fasya, di Lot 7, Putatan Point, Kota Kinabalu, Annuar yang pernah bertugas sebagai pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sabah, menumpukan sepenuh masa dalam bidang perniagaan dan seni catan.

"Hasrat memiliki galeri seni sendiri ini tercapai selepas menempuh pelbagai cabaran termasuk membelanjakan sejumlah wang semata-mata menyediakan tempat serta peralatan diperlukan.

"Kos pengubahsuaian kedai serta pembelian peralatan mesin untuk memulakan perniagaan mencapai RM20,000," kata pelukis yang terkenal dengan karya potret dalam satu pertemuan dengan Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Annuar yang pernah memenangi tempat pertama beberapa pertandingan kelolaan Balai Seni Lukis Sabah (BSLS) pada 1985 menyifatkan pemilikan galeri seni adalah puncak kerjaya kerana ia sudah lama dicita-citakan.

Pelukis kelahiran Kampung Buang Sayang, Papar itu yang bersara awal selepas 15 tahun menjadi pelukis DBP mengakui inilah kali pertama beliau mencuba bidang perniagaan berasaskan lukisan.

Sebelum ini, beliau yang hanya mempamerkan hasil karya di BSLS dan ruang legar disediakan pengusaha hotel di Kota Kinabalu, bangga kejayaan mewujudkan galeri seni berkenaan.

Annuar adalah pelukis sederhana mencipta imej tersendiri dengan sentiasa bertopi selama hampir 11 tahun, kagum persembahannya yang kekal dan tidak pernah berubah.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana akhirnya berjaya mewujudkan galeri seni lukisan sendiri hasil dorongan isteri serta rakan seperjuangan dalam seni di Sabah dan Semenanjung.

"Wujudnya galeri seni ini atas kesedaran perlu memiliki tempat seumpama itu untuk mempamer, menjual karya terbaru dan memberikan peluang kepada peminat seni catan mengunjunginya tanpa batas waktu," katanya.

Annuar yang meniti kerjaya itu hasil ketekunan belajar sendiri, sudah menghasilkan ratusan ilustrasi buku untuk kegunaan DBP dalam penerbitan pelbagai buku.

"Hasil ketekunan sendiri yang tidak pernah mengenal penat lelah, saya berjaya menenuhi cita-cita naluri menerusi idea, pensel dan lakaran," katanya.

Kini galeri seni menawarkan harga istimewa kepada peminat seni catan dengan setiap karya seni lukisan dijual pada harga diantara RM30 sehingga RM750.

Ketika di kedai Annuar seolah-olah sedang mengunjungi sebuah pameran mini lukisan. Antara karya seni mengkagumkan termasuk potret Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dipamerkan di pintu masuk.

Annuar bercadang menambah koleksi seni dengan mencetak baju T dan cenderamata untuk menarik pengunjung mendapatkan barangan di galeri itu.

Annuar juga menyediakan perkhidmatan melukis potret serta membuat pelbagai bentuk bingkai gambar. Orang ramai boleh menghubunginya menerusi telefon 088-764293.

(END)